**NO. SOALAN : 26**

# DEWAN RAKYAT
# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
# MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
# PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan kaedah penyelesaian bagi mengatasi isu gangguan bekalan air bersih di kawasan - kawasan kampung di negeri Kedah semakin kritikal sejak kebelakangan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Isu gangguan bekalan air di Negeri Kedah terutamanya di kawasan kampung disebabkan rizab margin bekalan air terawat yang rendah iaitu sekitar 0% berbanding sasaran 10-15% yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Kapasiti loji sedia ada tidak mampu menampung peningkatan permintaan akibat pembangunan yang pesat sekaligus mengakibatkan gangguan bekalan air kepada penduduk yang berada di hujung rangkaian.

2. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM931 juta di bawah RMKe-11 bagi menaiktaraf lima loji rawatan air (LRA) melibatkan LRA Sungai Limau, Baling, LRA Bukit Selambau, LRA Lubuk Buntar Lama, LRA Jenun Baru dan LRA Pelubang.

Kebanyakan loji-loji ini membekalkan air kepada kawasan kampung. Kesemua projek ini dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2022 hingga 2023, sekaligus menaikkan kadar rizab margin kepada 10.6% menjelang 2023.

3. Pada masa yang sama, Kerajaan Persekutuan juga meluluskan peruntukan geran berjumlah RM44.7 juta di bawah Program Pengurangan NRW Nasional dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan bekalan air kepada penduduk. Langkah ini dapat memastikan kehilangan air akibat kebocoran dapat dikurangkan dan agihan yang lebih meluas kepada pengguna.

Sekian. Terima kasih.